

01 MAR 1999

MAHATHIR-JEPUN

DR MAHATHIR GESA JEPUN JUAL BON AS MILIKNYA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Jepun meluluskan pegangannya bon-bon Perbendaharaan AS untuk menentang kuasa gergasi Amerika Syarikat.

Seruan itu terkandung di dalam esei kedua Dr Mahathir yang diterbitkan oleh akhbar harian Jepun Mainichi Newspapers hari ni. Salinan esei itu dikeluarkan di sini.

Dr Mahathir berkata di dalam dunia dwi-piola, negara-negara kepitalis perlu bersikap mesra atau selaliknya negara-negara membangun akan berpaling tadah ke pihak komunis.

"Sekarang kita tidak boleh lagi berpaling tadah ke pihak lain. Ini hanya menjadi sedemikian kecuali Jepun dan negara-negara Kesatuan Eropah memutuskan untuk menentang kuasa gergasi Amerika Syarikat.

"Jepun boleh membantu jika ia melupuskan bon dolar yang dipegangnya," katanya sambil menambah bahawa sebagai alternatif Jepun boleh mengadakan wang untuk kami.

Bagi negara-negara sedang membangun, abad ke-21 kelihatan suram kecuali Kumpulan 15 (G-15) negara-negara membangun boleh mempengaruhi keputusan sesetengah negara utara, seperti di Eropah, katanya.

Terdapat percubaan disengajakan oleh utara untuk menguasai ekonomi dunia kata Dr Mahathir sambil menegaskan bahawa ia dilakukan dengan menyerang pasaran saham, mengakibatkan saham jatuh supaya syarikat-syarikat boleh dibeli pada harga yang murah.

"Aakhirnya, mereka akan menguasai ekonomi kita dan rakyat kita. Saya begitu bimbang yang kita akan kehilangan kemerdekaan kita apabila itu berlaku," katanya.

Jepun, sebagai ekonomi kedua terbesar dunia, patut bekerja sama dengan negara-negara membangun untuk mengalakkan ini daripada berlaku, kata Dr Mahathir.

Untuk mengelakkan ini, Mahathir berkata beliau telah mengutus surat kepada para pemimpin Kumpulan Tujuh (G7) negara-negara perindustrian meminta negara-negara membangun dirundingi dalam perancangan kerangka kewangan dunia baru.

"Seperti anda tahu, Utara telah memutuskan bahawa hanya G-7 dan institusi-institusi seperti IMF, Bank Dunia, BIS (Bank for International Settlements) dan sebagainya di bawah kawalannya akan mereka bentuk kerangka baru itu. Kita tiada hak bersuara. Penyelesaian itu akan membantu mereka, bukan kita," kata Mahathir.

Katanya Jepun, Jerman, Perancis dan malahan Kanada percaya bahawa satu macam bentuk kawalan matawang diperlukan.

AS, yang juga anggota G-7 menentang idea mengawal selia dagangan matawang, yang dipersalahkan oleh Malaysia bagi kegawatan matawang serantau.

Dagangan matawang dibuat hampir secara eksklusif oleh firma-firma AS dan negara itu mendapat faedah daripada aktiviti-aktiviti semumpamanya. "Jadi kenapa mesti mereka kawal?" tambahnya.

-- BERNAMA

AD KTC OS